



JURNAL LINGUISTIK Vol. 29 (2) November 2025 (032-043)

Ujaran Kebencian dalam Aplikasi X Terhadap Isu 3R: Analisis Lakuan Bahasa

¹Nurul Afifah Adila Mohd Salleh* & ²Amirah Ahmad

¹afifahadila@uitm.edu.my & ²Amirah1275@uitm.edu.my

*Akademi Pengajian Bahasa
Universiti Teknologi Mara (UiTM), Shah Alam*

Tarikh terima : 10 September 2024
Received
Terima untuk diterbitkan : 23 November 2024
Accepted
Tarikh terbit dalam talian : 30 November 2025
Published online

Abstrak

Tindakan merendahkan, menghina, memprovokasi atau mendiskriminasi sesuatu perkara merupakan unsur kebencian yang telah menjadi normalisasi di media sosial secara terbuka. *Hate speech* atau dalam bahasa Melayunya ujaran benci yang diujarkan oleh masyarakat sama ada menyentuh isu bangsa, agama dan institusi diraja sangat membimbangkan di Malaysia. Impak daripada pengujaran ini, pelbagai perkara negatif boleh berlaku seperti pergaduhan, salah faham, permusuhan, jenayah malah menjejaskan imej negara. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis lakuan bahasa kebencian dalam Aplikasi X berfokuskan kepada isu 3R. Pendekatan kualitatif menerusi analisis kandungan dimanfaatkan dengan berpandukan Teori Lakuan Bahasa oleh Bach dan Harnish (1979). Sebanyak 43 ujaran berjaya dikumpul melalui Aplikasi X berdasarkan carian dengan kata kunci “benci/hina bangsa/agama/raja” dari bulan Mac hingga April 2024 dengan bantuan *Chrome Extension*. Hasil kajian mendapati bahawa lakuan bahasa jenis konstatif dan direktif paling dominan digunakan manakala lakuan bahasa komisif dan pengakuan sangat minimum digunakan. Warga maya memberikan pelbagai reaksi kurang senang terhadap hantaran ujaran kebencian yang telah dimuat naik di Aplikasi X. Pengujaran lakuan bahasa kebencian perlu dielakkan oleh semua Masyarakat kerana hal ini hanya membawa keburukan dan pihak penguat kuasa berhak melakukan siasatan di bawah Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia (AKM) 1998. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa isu ujaran kebencian ini merupakan perkara yang penting untuk dibincangkan dan diberikan perhatian.

Kata kunci: Lakuan bahasa, ujaran kebencian, media sosial, Aplikasi X, 3R

Hate Speech in X's Application to the 3R Issue: An Analysis of Speech Acts

Abstract

Demeaning, insulting, provoking or discriminating against something is an element of hatred that has become normalized on social media openly. Hate speech or in the Malay language “ujaran benci” expressed by the community whether it touches on issues of race, religion and royal institutions is very worrying in Malaysia. The impact of this speech, various negative things can happen such as fights, misunderstandings, hostility, crimes and even affect the image of the country. The focus of this study is to identify and analyze hate speech in Application X focusing on 3R issues. A qualitative approach through content analysis is used based on the Theory of Speech Acts by Bach and Harnish (1979). A total of 45 utterances were successfully collected through Application X based on searches with

the keywords "benci/hina bangsa/agama/raja from March to April 2024 with the help of Chrome Extension. The results of the study found that constative and directive type speech acts are most dominantly used while commissive and confessional speech acts are very minimally used. Virtual citizens gave a variety of unhappy reactions to the posting of hate speech that has been uploaded on Application X. The use of hate speech should be avoided by all communities because this only brings harm and the law enforcement authorities have the right to investigate under Section 233 of the Communications and Multimedia Act (AKM) 1998. Therefore, it can be concluded that this issue of hate speech is an important matter to be discussed and given attention.

Keywords: *Speech acts, hate speech, social media, X's Application, 3R*

1. Pengenalan

Penciptaan platform media sosial pada asalnya bertujuan untuk memberikan manfaat kepada semua pengguna seperti ruang berkomunikasi, mengekspresi diri, saluran penyampaian maklumat, urusan jual beli dan lain-lain. Namun, apa yang berlaku pada hari ini adalah ramai pengguna media sosial kurang berhati-hati dengan penulisan atau hantaran yang dimuat naik sehingga menyebabkan pelbagai kesulitan berlaku. Syed Mohammad Hilmi Syed Abdul Rahman et al. (2022) menyatakan bahawa, penggunaan media sosial yang tidak dikawal dan tidak dimanfaatkan dengan panduan yang betul akan menimbulkan banyak permasalahan. Antara masalah berat yang berlaku di media sosial adalah pengujaran kebencian atau dikenali sebagai "*hate speech*" yang menyentuh isu 3R, iaitu bangsa (*race*), agama (*religion*) dan institusi diraja (*royal*).

Ujaran kebencian ialah ekspresi seseorang yang ingin menyatakan kebencian atau menggalakkan keganasan terhadap seseorang atau kumpulan berdasarkan sesuatu isu seperti bangsa, agama, institusi diraja, jantina atau orientasi seksual. Menurut UNESCO (2024) ujaran benci ialah sebarang jenis komunikasi dalam pertuturan, penulisan atau tingkah laku yang menyerang atau menggunakan bahasa yang merendahkan atau mendiskriminasi dengan merujuk kepada seseorang atau kumpulan berdasarkan siapa mereka, dengan kata lain, berdasarkan agama, etnik, kewarganegaraan, bangsa, warna kulit, keturunan, jantina atau faktor identiti lain. Ujaran kebencian adalah fenomena yang mampu memberikan kesan berbahaya terhadap hak asasi manusia dan kedaulatan undang-undang dalam masyarakat demokratik. Hanya disebabkan satu ujaran benci, ia mampu menjejaskan maruah individu atau kumpulan yang disasarkan dan boleh membawa kepada perpecahan dalam kalangan masyarakat. Sebagai negara yang berbilang bangsa, ujaran benci haruslah dielakkan dan ingatlah bahawa "terlajak perahu boleh diundur, terlajak kata buruk padahnya".

Mengujarkan kebencian secara terbuka di media sosial dengan menyentuh isu 3R iaitu *Race*, *Religion* dan *Royalty* bukanlah satu budaya yang baik dan perlu dihentikan serta-merta. Masalah ini boleh dibendung dan diselesaikan dengan wujudnya kesedaran dalam diri masyarakat dan kawalan undang-undang yang lebih ketat. Mencegah dan memerangi ucapan benci ini merupakan satu cabaran yang harus digalas oleh masyarakat dan pihak berkuasa. Menurut Jia Vern Tham & Nelleita Omar (2019), meskipun negara Malaysia tidak mempunyai undang-undang khas terhadap kesalahan ujaran benci, namun terdapat pelbagai peruntukan lain yang boleh dibicarakan seperti Akta Hasutan, Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984, Seksyen 298A Kanun Keseksaan dan Seksyen 503 hingga 505 Kanun Keseksaan. Oleh itu, rakyat Malaysia harus sedar bahawa mengujarkan kebencian di media sosial hanya merupakan tindakan yang sia-sia dan tidak berfaedah. Rositah Kamboi (2023) menyatakan bahawa peruntukan undang-undang sedia ada perlu dikaji semula dan ditambah baik bagi menangani isu 3R yang amat sensitif untuk dibicarakan. Terdapat segelintir masyarakat yang cuba mengujarkan ujaran kebencian tanpa rasa segan silu dan akhirnya mendatangkan api kemarahan kaum dan bangsa tertentu. Oleh itu, dapat disimpulkan bahasa pengujaran lakuan bahasa kebencian ini sememangnya mendatangkan keburukan terhadap pelbagai perkara dan hal ini perlu dibendung segera.

Kajian ini dilaksanakan untuk mendedahkan ujaran kebencian dalam media sosial Aplikasi X di Malaysia yang menyentuh isu perkauman, agama dan institusi diraja. Melalui kajian ini, contoh-contoh ujaran kebencian di media sosial dapat memperlihatkan jenis dan bentuk bahasanya. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa isu ujaran kebencian ini merupakan perkara yang penting untuk dibincangkan dan diberikan perhatian. Kepakaran dan kesahan dari sudut penggunaan bahasa diperlukan dalam membantu pihak berkuasa mengenal pasti ujaran berunsur kebencian.

1.1 Penyataan Masalah

Media massa di Malaysia telah banyak melaporkan tentang ujaran benci yang semakin parah diucapkan oleh rakyat Malaysia. Melalui Utusan Malaysia, Alwani Ghazali (2022) menyatakan bahawa ucapan kebencian berupaya menyemarakkan kemarahan, permusuhan dan hilangnya tolak ansur dalam kalangan anggota masyarakat. Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa Fenomena *hate speech* ini adalah barah yang parah jika tidak dibendung dari sekarang dan boleh mendatangkan impak besar kepada ketenteraman negara. Frivia Munjidatul et al. (2023) pula berpendapat bahawa ujaran benci semakin menjadi-jadi di pelbagai platform media sosial sama ada *Facebook*, Aplikasi X, *Instagram*, TikTok dan pelbagai lagi. Masyarakat dilihat bebas tanpa batasan untuk menyatakan pendapat dan tidak memikirkan kemungkinan kesan yang akan terjadi. Negara Malaysia yang mempunyai kepelbagaian bangsa dan agama akan sentiasa berdepan dengan ujian atas keunikan ini. Kepelbagaian ini sebenarnya boleh mengundang hasad dengki, iri hati, ketidakpuashatian dan lain-lain yang wujud dalam diri sesetengah individu.

Ismail Sualman (2023) menyatakan bahawa ucapan berbaur kebencian boleh menimbulkan ancaman hebat kepada keselamatan dan keharmonian negara Malaysia. Oleh itu, seluruh rakyat Malaysia perlu berhati-hati dalam memuat naik hantaran di media sosial dan berfikir dahulu sebelum bertindak. Norazizi Samsudain & Mardian Shah Omar (2022) yang mengkaji bahasa negatif dalam laman sosial *Facebook* menyatakan bahawa masyarakat seharusnya mengujarkan kesantunan bahasa agar perpaduan tidak luntur dalam kalangan masyarakat Malaysia. Hal ini membuktikan bahawa ujaran negatif tidak seharusnya diguna pakai dalam laman sosial kerana ia boleh mendatangkan kesan buruk.

Menurut Wan Amizah Wan Mahmud & Muhammad Adnan Pitchan (2017), isu penghinaan terhadap raja-raja di media baharu semakin berleluasa dan kawalan terhadap isu ini semakin sukar untuk dikendalikan. Hal ini akan menimbulkan kekecohan dan kedinginan antara warga maya yang mempunyai pelbagai pendapat terhadap kenyataan yang dikeluarkan. Frivia et al. (2023) berpendapat bahawa kajian terhadap ujaran kebencian amat penting untuk dilaksanakan agar isu ini dapat diketengahkan melalui pendedahan berkaitan penggunaan bahasa yang harus dielakkan. Kesedaran masyarakat perlu dipertingkatkan agar mereka tahu bahawa mengujarkan isu sensitif berkaitan 3R ini akan membawa kepada pergaduhan dan perpecahan masyarakat. Oleh kerana isu ini tidak pernah berhenti, maka berlakunya desakan dari pelbagai pihak di Malaysia agar pihak berkuasa iaitu Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia mengkaji semula Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia (AKM) 1998 agar hukuman lebih berat dikenakan ke atas rakyat Malaysia yang menggunakan kebebasan bersuara secara salah dengan menyentuh isu sensitif ini. Pihak berkuasa SKMM sentiasa menyeru kepada seluruh rakyat Malaysia agar membuat laporan sekiranya terdapat mana-mana individu yang membuat hantaran jelik ini.

1.2 Objektif Kajian

Disebabkan pelbagai isu dan masalah yang timbul berkaitan ujaran kebencian di media sosial berkaitan isu 3R iaitu *religion*, *race* dan *royalty*, suatu kajian khusus berkaitan bahasa wajar dilaksanakan untuk melihat bentuk bahasa yang digunakan dalam ujaran kebencian. Bentuk bahasa ini akan memberikan pendedahan kepada masyarakat umum serta pengetahuan berkaitan impaknya. Berikut merupakan objektif kajian ini:

- i. Mengenal pasti lakuan bahasa kebencian dalam Aplikasi X

- ii. Menganalisis bentuk lakuan bahasa kebencian dalam Aplikasi X berdasarkan teori Bach dan Harnish

2. Kosa Ilmu

Sorotan kajian lepas amat penting dilaksanakan apabila ingin melakukan kajian penyelidikan. Pelbagai manfaat boleh didapati melalui kajian lepas yang dibaca dan dirumuskan mengikut keperluan pengkaji. Mohd Dahlan A. Malik (2016) menyatakan bahawa tinjauan literatur adalah rumusan daripada kesemua topik yang dibaca berkaitan bidang kajian. Melalui pembacaan ini, dapat memberikan ruang untuk mengisi jurang yang belum terjawab sepenuhnya oleh pengkaji lepas.

2.1 Kajian lepas berkaitan isu 3R di Malaysia

Ramai ahli akademik dalam bidang perundangan telah mengetengahkan isu 3R sebagai satu isu utama dalam negara yang perlu diberikan perhatian agar ianya tidak lebih parah dimainkan oleh masyarakat. Pengkaji lepas seperti Khairul Azhar, Mohammad Fahmi, Adam Badrulhisham dan Ahmad Faqih (2020) telah menyatakan bahawa kepesatan teknologi mengakibatkan isu 3R mengganggu-gugat keharmonian masyarakat. Kemudahan teknologi telah disalahgunakan oleh masyarakat sehingga mengundang penghinaan terhadap isu agama, bangsa dan institusi diraja. Terdapat pula kajian lepas yang dikaji oleh Rositah Kamboi (2023) telah mencadangkan beberapa resolusi untuk mengawal isu ini. Antara cadangannya ialah mengkaji semula peruntukan undang-undang sedia ada agar dapat diperketatkan dan dinilai semula. Manakala Wan Amizah dan Muhammad Adnan (2017) pula yang memfokuskan kepada isu penghinaan terhadap raja-raja di media sosial menyatakan bahawa ujaran kebencian mendatangkan keburukan kepada masyarakat dan perlu dibendung segera. Kesemua pengkaji lepas berkaitan ujaran benci dalam isu 3R ini hanya mengkaji dari sudut perundangan dan kebebasan teknologi sahaja, namun tidak melihat bentuk ujaran benci yang perlu didedahkan bagi menimbulkan kesedaran dalam diri masyarakat Malaysia.

Berdasarkan kesemua kajian lepas berkaitan elemen 3R ini juga, dapat disimpulkan bahawa isu ini perlu diberikan perhatian sewajarnya agar pergaduhan dan salah faham dapat dikurangkan antara masyarakat di Malaysia. Kajian-kajian lepas dari luar negara pula dilihat tidak memfokuskan kepada isu 3R secara spesifik apabila mengkaji 'hate speech'. Hal ini kerana negara mereka barangkali tidak mempunyai kepelbagaian kaum, agama dan tidak mempunyai institusi diraja. Justeru, pengkaji dari luar negara mengkaji 'hate speech' secara umum yang boleh mengganggu ketenteraman awam melalui pelbagai platform media sosial.

2.2 Kajian lepas berkaitan ujaran kebencian

Kajian lepas berkaitan ujaran kebencian sangat terkenal dan sering dijalankan penyelidikan oleh pengkaji dari luar negara. Ujaran kebencian bukanlah satu fenomena yang baik, malah ia perlu dikekang sehabisnya. Ujaran kebencian biasanya diujarkan dalam laman media sosial seperti *Facebook*, *Twitter*, *Tiktok*, *Instagram* dan lain-lain. Seperti kajian Frivia et al. (2023) yang mengkaji ujaran kebencian di akaun *Tiktok*, manakala Mohd Norazizi dan Mardian Shah Omar (2022) yang mengkaji ujaran negatif di *Facebook*, Agus Mulyanto, Aneu Nuraeni dan Siska Mareti (2022) yang mengkaji ujaran kebencian dalam *Instagram* dan banyak lagi kajian lepas yang mengkaji 'hate speech' di media sosial. Rumusannya, kajian berkaitan ujaran kebencian ini memang mendapat tempat dalam kalangan pengkaji dari dalam dan luar negara, namun segelintir pengkaji lepas ini tidak memfokuskan kepada isu 3R seperti kajian ini. Mereka lebih memfokuskan kepada ujaran benci di ahli politik dan pemimpin negara. Disebabkan pelbagai isu timbul berkaitan ujaran benci berkaitan 3R, maka kajian ini beranggapan bahawa sebuah kajian khas berkaitan 3R wajar dilaksanakan.

2.3 Kajian lepas berkaitan lakuan bahasa

Kajian berkaitan lakuan bahasa juga tidak kurang terkenalnya dengan kepelbagaian bahan kajian untuk melihat bentuk lakuan bahasanya dalam sesuatu data yang dipilih. Antara kajian lepas berkaitan lakuan bahasa ialah kajian oleh Simona, S. dan Cartisa, D. D. (2015), Amir Juhari dan Zaitul Azma Zainon Hamzah (2015), Zanariah Ibrahim et al. (2017), Nurul Afifah Adila Mohd Salleh dan Maslida Yusof (2021), Abd Ganing Leangkang et al. (2019), Aminnudin Saimon (2021), M. N. Oomens (2018) dan ramai lagi. Berdasarkan kesemua kajian lepas ini, setiap kajian pasti mempunyai dapatan yang berbeza dari sudut jenis lakuan bahasa yang digunakan, yang paling dominan dan paling sedikit digunakan, Justeru, hal ini membuktikan bahawa setiap lakuan bahasa yang digunakan mempunyai perkaitan dengan data yang dipilih. Oleh itu, kajian ini juga ingin melihat apakah jenis dan bentuk lakuan bahasa kebencian yang boleh didedahkan kepada masyarakat umum.

Teori Lakuan Bahasa amat sesuai digunakan untuk menganalisis bentuk bahasa dalam sesebuah data. Lakuan bahasa akan menjadi perkara untuk diperlihatkan dalam ujaran kebencian yang terdapat dalam media sosial. Hal ini menunjukkan bahawa betapa pentingnya isu ini untuk dibincangkan dan dicari jalan penyelesaian. Dari sudut penggunaan bahasa, kajian ini akan melihat bentuk bahasa ujaran kebencian yang menjadi trend di media sosial seperti unsur meminta, mengarah, menyatakan, mencadangkan dan sebagainya. Hal ini amat penting untuk diteliti agar masyarakat lebih cakna dengan bentuk lakuan bahasa kebencian dan sedar akan impaknya kepada negara.

3 Metodologi

Kajian ini mengaplikasikan kaedah kualitatif menerusi pendekatan analisis kandungan berdasarkan Teori Lakuan Bahasa oleh Bach dan Harnish (1979). Teori yang dipilih ini mempunyai empat kategori lakuan bahasa di bawahnya iaitu lakuan bahasa konstatif, direktif, komisif dan pengakuan. Setiap kategori ini disertai dengan indikator tertentu bagi menandainya sebagai jenis lakuan bahasa tersebut. Pada peringkat awal, ujaran kebencian dalam Aplikasi X dikumpul berdasarkan carian kata kunci tertentu iaitu berkisar tentang “hina/benci bangsa, agama dan institusi diraja”. Carian data ini hanya difokus bagi bulan Mac dan April 2024 sahaja. Hal ini kerana, pengkaji ingin mengambil jumlah data yang bersesuaian untuk melihat bentuk ujaran kebencian bagi peringkat awal ini. Berbantuan *Chrome Extension*, data telah dikumpul dan disaring. Kesemua data terpilih akan dikategorikan mengikut isu sama ada isu bangsa, agama atau institusi diraja. Kemudian setelah itu, barulah pengenalanpastian jenis-jenis lakuan bahasa dilakukan sama ada jenis lakuan bahasa konstatif, direktif, komisif atau pengakuan terhadap data yang dikumpul.

Kajian ini berjaya mengumpul sebanyak 43 ujaran lakuan bahasa kebencian sepanjang dua bulan dalam Aplikasi X berdasarkan carian yang dilakukan. Ujaran lakuan bahasa kebencian dikumpul untuk melihat bentuk-bentuk ujaran dan bagaimana ujaran tersebut terkesan sama ada diujarkan secara eksplisit dan implisit. Formula teori lakuan bahasa ini akan diterapkan untuk meneliti ujaran-ujaran kebencian yang telah dikenal pasti. Selain itu, kaedah kepustakaan juga turut dimanfaatkan untuk melihat fenomena ujaran kebencian dalam media sosial di Malaysia dan pengetahuan lain yang bermanfaat untuk kajian ini. Kajian-kajian lepas juga banyak membincangkan perihal kesan buruk akibat berlakunya pengujaran negatif berkaitan isu agama, bangsa dan institusi diraja di Malaysia. Kaedah penyelidikan yang digunakan ini berjaya mendapatkan dan menganalisis data dengan baik mengikut perancangan yang ditetapkan.

4 Dapatan dan Perbincangan Kajian

Setelah pengenalanpastian dan pengumpulan data dilaksanakan dalam Aplikasi X, maka sebanyak 43 ujaran kebencian berkaitan isu bangsa, agama dan institusi diraja telah didapati. Berdasarkan data ini, dapat disimpulkan bahawa lakuan bahasa kebencian sememangnya diujarkan secara terbuka dan tidak terkawal di Aplikasi X dan memerlukan perhatian sewajarnya. Bagi menjawab kedua-dua objektif kajian, maka bahagian ini akan memaparkan kesemua ujaran kebencian sebagai data utama kajian, kemudian akan

menganalisis bentuk lakuan bahasa kebencian berpandukan teori yang dipilih.

4.1 Data lakuan bahasa kebencian

Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa lakuan bahasa kebencian berkaitan bangsa paling tinggi diujarkan iaitu sebanyak 24 ujaran, diikuti lakuan bahasa kebencian berkaitan agama sebanyak 12 ujaran dan yang paling rendah ialah lakuan bahasa kebencian berkaitan institusi diraja iaitu 7 ujaran sahaja. Di bawah merupakan data lakuan bahasa kebencian yang telah dikumpul melalui pendekatan metodologi yang telah ditetapkan.

Jadual 1

Lakuan bahasa kebencian berkaitan bangsa

No.	Ujaran kebencian berkaitan bangsa
1	betul, orang melayu tak makan babi. Depa makan rasuah
2	Nenek moyang melayu sebelum islam makan babi. Apa yg boleh dimakan di tanah melayu ni, itulah sumbernya. Tak perlu whitewash mcm terpalang suci
3	Melayu zaman skang ni banyak melayu makan babi
4	Bangsa non melayu yg mana satu? Yg makan babi tu ke?
5	Definisi Islam Melayu now: Yg tak boleh makan BABI je. Lain2 langgar pun xpe. Boleh minta maaf.
6	Patut lah ultra Melayus sunyi je dari dapatkan info bangsat ni. Rupanya Melayu. Kalau non-Malay, laju masing masing perlu “kad OKU” apa semua.
7	Mlayu je rempit bodo menyusahkan mcm ni. Cina yg lawan arus boleh kira dgn jari, tp mlayu bangang mcm ni uncountable.
8	Tunjuk anak cina pulang ke rumah lawan arus pulak pwease
9	Habis tu cina kapir yang ajak orang Islam makan babi tu penyokong pakatan harapan, kau nak kata pakatan harapan tu extreme ke? Bodoh sangat kau ni kalau isu family pun kau nak kaitkan dengan parti politik. Banyak sangat salahguna planta ke kau ni? Sampai kuman-kuman naik ke otak?
10	Cina kan bodoh nak mampus
11	Mmg cina bodoh barua melayu la bangsat bodoh..
12	Saya minta YDPA untuk menghalau semua orang Cina (Bodoh) keluar dari Malaysia, dan hantar pulang ke China. Semoga dengan ketiadaan semua orang Cina (Bodoh) di Malaysia, negara ini akan aman dan makmur seperti di zaman Khalifah Umar Abdul Aziz.
13	cina bodoh ni bila nak senyap?
14	Bodoh punye cina..menyusahkan orang tak pandai buat cakap tak pandai buat..ni lagi menjahanamkan dah kene kluar modal lagi...
15	Wtf keling paria hitam jadi pm united kingdom. Bodoh
16	Bodoh keling ni
17	perangai keling jngn bawak sini eh, baca balik artikel tu dulu elok” arwah tu baru lepas cod leman dri rumah kawan dia bangang bodoh keling bau kari
18	1 Syawal, Keling Mabokkkk. Orang beraya kau pon sibuk nak beraya. Memang Bodoh!
19	Driver KELING & CINA terpalang! Pergi bukak company sendiri. Nak jadi boss sgt kan?! Bodoh driver!
20	Ni la geng Pajeet paria, asal kena dekat barua2 paria macam kau, cakap la orang lain. Spesis sama je kalau dah datang dari India. Macam kau kata dulu Qantas flight tu bukan paria keling kau meraba pramugari, tapi kau bagi berita pasal orang lain.
21	kau lagi! tak habis habis lagi ya kau keling? Tuduh Melayu lagi. bodoh punya keling. Mana kau tahu tu Melayu ya wahai keling? Kat KK Mart tu tak ada CCTV ke? Kau pernah masuk KK Mart tak keling? KK Mart punya CCTV bukannya macam kedai lain. Capture setiap muka orang yang masuk
22	3err kpla bapak kau la keling babi. Puak2 kau bunuh bomba xde plk ye ko nak mention2 3R kepala babi ayah kau bagai. Kena dkt puak keling patung bodoh kau tu mengelupur pulak ye. Bodoh punya keling, pergi balik india la kau barua. Angkut keturunan kau skali
23	keling bodoh ni lagi nak tunjuk pandai tapi hakikatnya kebodohan yang terserlah. baik kau bunuh diri je la keling. tak guna hidup kalau teruskan dengan kebodohan kau tu. oh ya, aku sarankan kau tukar nama dari

	dass terrence kepada keling terencat. sesuai dengan kau ya keeling
24	Kau balik negara asal kau je lah keling. Fakof betul la orang bangang mcm ni. Bagi betis nak peha. Bodoh punya keeling

Jadual 2*Ujaran lakuan bahasa kebencian berkaitan agama*

No.	Ujaran kebencian berkaitan agama
1	Insyaallah.. Yes.. alasan Islam bagi pada semua. Bila nak siap? Dah sampai? Kita layak ke? Satu jawapan untuk semua soalan... Semua mati dalam satu kapal kerana tak ikut logic, hanya Insyaallah!! (puasa pulak tu).. Terima kasih Islam
2	Orang Islam belajar menipu dari mana ya? 1/ cerita Muhammad pergi ke bulan guna keldai terbang? 2/ cerita Muhammad cakap dengan binatang 3/ cerita Muhammad ada kuasa sexual 30 lelaki Prophet penipu akan melahirkan followers penipu. Patutlah!!
3	- bungkus anak macam sampah - gelak dan buat contest bila anak menangis kerana panas sangat Malang sungguh pada anak2 perempuan yang lahir di keluarga Islam!!
4	Kerana tiada Allah dihati, nampak pulak namanya di kasut dan tahi ayam.. 
5	orang yang rasa tuhan perlu dipertahan adakah dia rasa tuhan itu lemah?
6	Non Islam see Muslim macam orang bodoh Aje .. Allah bermaksud "tuhan", orang Kristian pun guna tapi kenapa meleis jadi badut when see this pattern?? Non Muslim nak masuk Islam pun akan takut ... Kenapa Islam behave macam terencat akal Aje!!
7	✓ 9 raja Islam ✓ Mufti bagi setiap negeri ✓ Ribuan ustaz ✓ 2 billions budget ✓ Sembahyang 5 kali sehari Tapi masih berperangai binatang!!! Cina sembahyang berapa kali satu tahun ya?? Tapi kenapa still boleh berfikiran waras dan tak buat isu benda serious ini?
8	Hanya 5 stokin Allah , meleis jadi anjing giler sampai nak bunuh orang Tokong cina kena tendang , cina diam. "kami bukan bodoh untuk senang diprovokasi macam ini" So kenapa ajaran Islam violet? Orang sanggup bunuh? Salah Islam kan?

	Anyway, @pdrm buat apa ya? Kutip duit raya?
9	Hanya orang Islam Aje boleh doa sesuatu jahat pada seseorang.. kalau tuhan baik dan adil wujud, dia akan layan benda macam ini?? Orang bodoh buat benda bodoh lepas tu nak publisiti bodoh!!!
10	Org Melayu ada 1 sikap buruk: "memaksa" Paksa org terima bangsa dia. Tak Islam kalau tak Melayu. Contoh biasa, bila ada org masuk Islam, dia paksa tukar nama. Dia paksa org terima idealogi dia. Paksa itu ini. Sebab tu bangsa ni semua benda tak puas hati. Sbb suka memaksa.
11	Dengan nama Islam, perempuan Islam di Afghanistan akan dipukul mati dengan batu oleh Taliban. Berapa banyak Islam nak tolong saudara mereka yang tidak dibenarkan belajar dan sekarang kena bunuh? Tak letak bendera Afghan kat profil? Tiada demo?
12	Macam nabi Muhammad umur 50 lebih cakap dengan Aisha, umur 6 tahun... (konteks)

**Jadual 3***Lakuan bahasa kebencian berkaitan institusi diraja*

No.	Ujaran kebencian berkaitan institusi diraja
1	Tahun ini beraya belah isteri di Johor. Memandangkan saya masih di kampung, maka hari ini solat Jumaat di Johor. Saat bacaan doa selepas khutbah ke-2, saya menadahkan tangan. Namun ketika doa buat Sultan/Agong dan keluarga, saya menurunkan tangan. Dan Kembali menadahkan tangan selepas selesai doa buat mereka (doa buat rakyat Islam). Saya tahu ada juga yang seperti saya. Ini bukan status hasutan. Yang mahu terus mendoakan, silakan. Yang tidak, itu hak masing-masing. Pada saya, doa saya untuk pemimpin yang meletakkan agama no 1. Perjuangkan dan pertahankan Islam apatah lagi bila Islam diancam. Bukan diam dan biarkan rakyat marhaen pula yang beriya pertahankan sehingga dikecam, diperli dan ditertawakan. Selamat hari raya!
2	Sultan Johor pulak bina istana kat Australia. Ini pun kita kena bayar? Atau dia akan jual lagi tanah secara rahsia pada orang China?

Berdasarkan jadual 1, 2 dan 3 di atas, jelas menunjukkan bahawa lakuan bahasa kebencian diujarkan sama ada secara eksplisit atau implisit menerusi lakuan bahasa konstatif, direktif, komisif dan pengakuan. Kesemua ujaran di atas amat jelas berunsurkan kebencian dan kelihatan negatif yang boleh mengganggu-gugat kesejahteraan awam. Melalui pengamatan pengkaji, isu bangsa paling tinggi disentuh kerana rakyat negara kita sememangnya cenderung untuk menghentam bangsa. Hal ini kerana, bangsa merupakan perbezaan yang paling ketara secara zahir yang dapat dilihat di Malaysia. Manakala bagi isu agama juga kelihatan rancak disentuh oleh masyarakat kerana wujudkan perbezaan yang ketara dari sudut pengamalan agama. Bagi isu institusi diraja pula, amat jarang disentuh kerana rakyat berkemungkinan mereka takut dengan tindakan undang-undang serta sokongan kuat rakyat kepada raja.

Bagi menjawab objektif kedua kajian iaitu menganalisis bentuk lakuan bahasa ujaran benci, hanya dua jenis lakuan bahasa yang akan difokuskan iaitu lakuan bahasa konstatif dan lakuan bahasa direktif. Hal ini kerana kedua-dua jenis lakuan bahasa ini paling dominan digunakan dalam ujaran kebencian di Aplikasi X.

Lakuan bahasa konstatif menurut Bach dan Harnish (1979) ialah kepercayaan penutur bahwa pertuturannya boleh membantu untuk melakukan sesuatu kemungkinan dengan syarat-syarat yang tertentu. Di bawah ialah contoh-contoh ujaran lakuan bahasa konstatif berunsur kebencian dalam isu agama, bangsa dan institusi diraja:

Kedua-dua ujaran kebencian di atas ini merupakan jenis lakuan bahasa asertif kerana mengandungi pernyataan. Lakuan bahasa jenis asertif dapat dikonotasikan sebagai ‘menegaskan pendapat atau kepercayaan tentang sesuatu’. Menurut Nurul Syuhada Shuib dan Maslida Yusof (2019), lakuan bahasa asertif berfungsi sebagai mengandaikan, menyatakan dan menyampaikan maklumat. Jika dilihat pada contoh (1), penulis menyatakan bahawa keling yang merujuk kepada bangsa India, ingin menunjukkan kepandaian, tetapi hakikatnya kebodohan yang terserlah. Ujaran ini bersifat pernyataan iaitu penutur ingin menyampaikan pendapatnya tentang sesuatu melalui kenyataan tersebut. Namun, ujaran ini sangatlah kasar dan jelas berunsur kebencian. Sudah pasti ujaran ini mengundang kepada pergaduhan antara bangsa di media sosial Aplikasi X.

Manakala bagi contoh (2) pula, penulis menyatakan kepercayaannya bahawa ‘Cina ialah bangsa yang bodoh’. Perkataan ‘kan’ dalam ayat tersebut jelas menunjukkan penulis ingin menegaskan tentang pernyataannya. Ayat ini juga sangat jelas berunsur kebencian dan boleh mendatangkan pergaduhan antara bangsa dan menimbulkan api kemarahan kepada bangsa yang dihina tersebut. Kedua-dua ujaran lakuan bahasa konstatif ini diujarkan secara implisit kerana tidak mengandungi kata kerja performatif tertentu yang digariskan dalam Teori Lakuan Bahasa oleh Bach dan Harnish (1979). Oleh itu, konteks ujaran yang perlu dianalisis untuk mengesahkan bahawa kedua-dua ujaran ini ialah lakuan bahasa konstatif.

Lakuan bahasa direktif

Bach dan Harnish (1979) menyatakan bahawa lakuan bahasa direktif merupakan ekspresi sikap penutur terhadap tindakan yang dilakukan oleh pendengar. Penutur percaya akan hasil pertuturannya, maka sesuatu tindakan mesti dilakukan oleh pendengar tanpa alasan. Lakuan bahasa direktif juga sebagai satu lakuan yang akan memberi kesan tindakan kepada pendengar disebabkan niat pengucapan yang diujarkan oleh penutur. Lakuan bahasa direktif boleh dilakukan dengan menggunakan kata perintah yang tertentu seperti sila, tolong, minta, mohon, jangan dan sebagainya. Di bawah ialah contoh-contoh ujaran lakuan bahasa direktif berunsur kebencian dalam isu agama, bangsa dan institusi diraja:

- (1) *“Saya minta YDPA untuk menghalau semua orang Cina (Bodoh) keluar dari Malaysia, dan hantar pulang ke China. Semoga dengan ketiadaan semua orang Cina (Bodoh) di Malaysia, negara ini akan aman & makmur seperti di zaman Khalifah Umar Abdul Aziz”*
- (2) *“Bangsa non melayu yg mana satu? Yg makan babi tu ke?”*
- (3) *“Orang Islam belajar menipu dari mana ya?
1) cerita Muhammad pergi ke bulan guna keldai terbang
2) cerita Muhammad cakap dengan binatang
3) cerita Muhammad ada kuasa seksual 30 lelaki
Prophet penipu akan melahirkan followers penipu. Patutlah!!”*
- (4) *“Sultan Johor pulak bina istana kat Australia. Ini pun kita kena bayar? Atau dia akan jual lagi tanah secara rahsia pada orang China?”*
- (5) *“perangai keling jngn bawak sini eh, baca balik artikel tu dulu elok” arwah tu baru lepas cod lemag dri rumah kawan dia bangang bodoh keling bau kari”*

Berdasarkan kelima-lima contoh lakuan bahasa direktif di atas, contoh (1) ialah jenis lakuan bahasa permintaan, manakala contoh (2), (3) dan (4) ialah jenis lakuan bahasa pertanyaan dan contoh (5) ialah jenis lakuan bahasa larangan. Bagi contoh (1), indikator “minta” jelas menunjukkan lakuan permintaan yang meminta YDPA menghalau semua orang Cina keluar dari Malaysia dan dihantar ke negara China. Ujaran ini terserlah berunsurkan kebencian di mana boleh mendatangkan kemarahan bangsa Cina apabila isu ini dimainkan. Lakuan permintaan ini dianggap tidak sopan kerana tindakan meminta berformulakan kepada “S meminta H untuk melakukan A; kebiasaan, tiada alasan diberikan”. Menurut Normah Ahmad, Amirah Ahmad, & G. Sharina Shaharuddin (2020), suatu permintaan jika tidak dilakukan dengan berhati-hati akan menimbulkan berbagai masalah seperti salah faham, pergeseran, rasa tidak puas hati dan sebagainya. Oleh itu, sebelum mengujarkan permintaan, seseorang perlu memastikan terlebih dahulu kesan daripada permintaan tersebut.

Manakala contoh (2), (3) dan (4) pula ialah ujaran kebencian yang memanfaatkan lakuan bahasa pertanyaan. Kesemua pertanyaan ini sememangnya berunsurkan kebencian dan mengundang kemarahan orang ramai. Jika dilihat, contoh (2) dan (3) adalah ayat tanya dengan kata tanya “mana”, manakala contoh

(4) merupakan ayat dengan tanpa kata tanya. Ketiga-tiga ujaran ini merupakan pertanyaan yang berunsurkan kebencian dan boleh mendatangkan kemarahan kepada orang yang ditanya iaitu bangsa Melayu (contoh 2), orang beragama Islam (contoh 3) dan sultan Johor. Dalam struktur ayat bahasa Melayu, kata soal seperti apa, siapa, kenapa, mana, bagaimana, berapa dan sebagainya ialah pertanyaan terbuka (Asmah 2014). Oleh itu,

Bagi contoh (5) pula, dapat dikategorikan sebagai lakuan bahasa larangan kerana ditandai dengan indikator “jangan” yang jelas menunjukkan ujaran tersebut adalah tindakan melarang. Penulis melarang seseorang yang berbangsa India dengan menyatakan bahawa jangan membawa perangai keling dalam Aplikasi X. Penulis seolah-olah mempunyai satu stigma terhadap bangsa India yang mempunyai perangai tertentu. Hal ini sudah pasti akan menimbulkan kebencian seterusnya kemarahan terhadap bangsa yang dihina. Ujaran contoh (5) ini diujarkan secara eksplisit kerana mengandungi kata kerja performatif “jangan” yang jelas menandainya sebagai lakuan bahasa larangan.

5. Kesimpulan

Kesimpulannya, kajian ini membuktikan bahawa kesemua lakuan bahasa kebencian diujarkan sama ada secara konstatif, direktif, komisif dan pengakuan. Kepelbagaian ini menunjukkan bahawa pengguna Aplikasi X menzahirkan emosi negatif iaitu kebencian dengan pelbagai bentuk lakuan bahasa. Kajian ini dilihat berupaya mendedahkan dan memberikan kesedaran kepada masyarakat tentang bentuk bahasa kebencian (*pattern*) yang tidak boleh digunakan kerana mampu mengganggu-gugat bangsa, agama dan institusi diraja. Selain itu, masyarakat juga dapat melihat bagaimana pergaduhan antara warga maya boleh berlaku akibat daripada hantaran benci yang dimuat naik di media sosial. Meskipun kajian ini merupakan kajian berbentuk kebahasaan, namun kajian ini mampu memberikan sumbangan besar kepada pelbagai pihak terutamanya ahli akademik, masyarakat, kerajaan dan persekitaran. Keempat-empat entiti ini boleh memanfaatkan dapatan kajian ini bagi terus berusaha mengekang dan menyelesaikan kebebasan pengujaran lakuan bahasa kebencian di media sosial.

Rujukan

- Agus Mulyanto, Aneu Nuraeni, dan Siska Mareti Maulani. (2023). Bentuk dan Jenis Komunikasi Bernada Ujaran Kebencian. *Jurnal Kajian Bahasa*. 12(1), 73-86. <https://doi.org/10.26499/rmh.v12i1.6099>
- Alexander Brown. (2015). *Hate speech law*. Routledge.
- Aminnudin Saimon. (2021). Lakuan Pertuturan dalam Filem Nordin Ahmad. *Jurnal Linguistik*. 25 (1), 080-099.
- Austin, J. L. (1962). *How to Do Things with Words*. Harvard University Press.
- Bach, K. & Harnish, R. (1979). *Linguistic Communication and Speech Acts*. MIT Press.
- Bagherkazemi, M. & Harati-Asl, M. (2022). *Interlanguage Pragmatic Development: Comparative Impacts of Cognitive and Interpersonal Tasks*. J. Lang. Teach. Res.
- Camp, E. (2022). *Just saying, just kidding liability for accountability avoiding speech in ordinary conversation, politics, and law*. In: Horn LR (ed) *From lying to Perjury: linguistic and legal perspectives on lies and other falsehoods*. de Gruyter, Berlin, pp. 227–258.
- Claudia, V. S., & Wibowo, B. J. (2021). Ujaran Kebencian Warganet Pada Akun Instagram BWF (Badminton World Federation): Analisis Linguistik Forensik. *Translation and Linguistics (Transling)*. 1(1), 1-7.
- Edmondson, W., House, J., & Kádár, D. (2023). *Expressions, Speech Acts and Discourse: A Pedagogic Interactional Grammar of English*. Cambridge University Press.
- Fabli Yusof & Mohd Sufiean Hassan. (2020). Kes Penghinaan Raja-Raja/Yang Di-Pertuan Agong Di Media Sosial: Tindakan dan Penguatkuasaan Undang-Undang dalam Kebebasan Bersuara. *Journal of Law & Governance*. 3 (1), 138-140.
- Febriansyah, F. I., & Purwinarto, H. S. (2020). Pertanggungjawaban Pidana bagi Pelaku Ujaran Kebencian di Media Sosial. *Jurnal De Jure*. 20(2), 177–188. <http://dx.doi.org/10.30641/dejure.2020.V20.177-188>.
- Fhena Annisa. (2023). Ujaran kebencian terhadap artis K-POP dalam opening ceremony FIFA World Cup 2022. *Jurnal Komunikasi Global*. 12(1), 71-97.
- Himawan, R., & Zamzani. (2022). Analisis bahasa pelaku ujaran kebencian berpotensi hukum terhadap Lesty Kejora pada laman Instagram Lambe_Turah: Kajian linguistik forensik. *Jurnal Pendidikan Bahasa dan Sastra*

- Indonesia. 11(2), 23-31. <https://doi.org/10.24036/117303-019883>
- Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). (2022). *Jangan Hina Islam dan Nabi Muhammad SAW*. Khutbah Jumaat 2 September 2022.
- Jeffrey W. Howard. (2019). *Free Speech and Hate Speech*. 22: 93-109. The Annual Review of Political Science is online at [polisci.annualreviews.org https://doi.org/10.1146/annurev-polisci-051517-012343](https://doi.org/10.1146/annurev-polisci-051517-012343)
- Kentmen, H., Debreli, E. & Yavuz, M. A. (2023). Assessing Tertiary Turkish EFL Learners' Pragmatic Competence Regarding Speech Acts and Conversational Implicatures. *Sustainability* 2023, 15, 3800. <https://doi.org/10.3390/su15043800>
- Lessy Ginsena & Erna Triswantini. (2021). Komentar ujaran kebencian pada berita imigran Jerman dalam Facebook. *Jurnal Ilmu Komunikasi*. 11(1), <http://jurnalfdk.uinsby.ac.id/index.php/JIK>
- María Antonia Paz, Julio Montero-Díaz & Alicia Moreno. (2020). Hate Speech: A Systematized Review. Delgado SAGE. October-December, 1–12 10.1177/2158244020973022 journals.sagepub.com/home/sgo
- Mohd Norazizi Samsudain & Mardiah Shah Omar. (2022). Penggunaan unsur bahasa negatif terhadap hantaran isu 1MDB oleh pengguna Facebook. *Jurnal Pengajian Melayu*. 33(1), 87-107.
- Niyazova, G. G. (2022). Pragmatic Description of Speech Acts Related to Gender Speech. *J. Posit. Sch. Psychol.* 6, 5692–570.
- Normah Ahmad, Amirah Ahmad, & G. Sharina Shahrudin. (2020). Lakuan Bahasa Permintaan Dalam Kalangan Pelajar Melayu di Akademi Pengajian Bahasa di UiTM Shah Alam. *Jurnal Linguistik*. 24 (2), 001-016.
- Nur Atikah Ibrahim & Maslida Yusof. (2020). Sindiran dalam Media Sosial: Perspektif Lakuan Bahasa. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*. 36(2), 269- 288.
- Nur Atikah Ibrahim & Maslida Yusof. (2020). Sindiran dalam media sosial: Perspektif lakuan bahasa. *Jurnal Komunikasi*, 36 (2), 269-288.
- Sholihatin, E. (2019). *Linguistik Forensik dan Kejahatan Berbahasa*. Pustaka Pelajar.
- Rositah Kambol. (2023). Menangani isu-isu sensitif berkaitan, agama, bangsa dan institusi raja (3R) dalam politik melalui pendekatan undang-undang: suatu penilaian semula. *Journal of Law & Governance*. 5(1), 86-104.
- Roslizawati Mohd Ramly, Marina Munira Abd Mutalib, Wan Mohd Fazrul Azdi Wan Mohd Razali, Nurhafizah Mohd Shukor, Mohd Rosmizi Abd Rahman, Eizan Azira Mat Sharif, Muhamad Zaki Mustafa, Izzudin Mohd Haris. (2021). Memahami Aspek Penghinaan Terhadap Agama Islam di Malaysia. *The International Conference on Da'wah and Islamic Management, 2021 (IC-DAIM 2021)*. Penerbit USIM.
- Sellers, Andrew F. (2016). *Defining Hate Speech*. Berkman Klein Center Research Publication. https://papers.ssrn.com/sol3/papers.cfm?abstract_id=2882244
- Tanduk, R. (2023). Pragmatic aspects of speech acts: A cross-linguistic perspective. *English Review: Journal of English Education*. 11(3), 881-890. <https://doi.org/10.25134/erjee.v11i3.876>
- United Nations. (2021). Strategy and Plan of Action on Hate Speech. <https://www.un.org/en/genocideprevmention/documents/UN%20Strategy>
- Vargo, C. J., & Hopp, T. (2020). Fear, anger, and political advertisement engagement: A computational case study of Russian-linked Facebook and Instagram content. *Journalism & Mass Communication Quarterly*. 97, 743–761. <https://doi.org/10.1177/1077699020911884>
- Wan Amizah Wan Mahmud Muhammad Adnan Pitchan. (2017). Media Baharu dan Institusi Raja di Malaysia: Kes Penghinaan Raja-raja di Media Sosial. *Jurnal Komunikasi Malaysian Journal of Communication*. 33(1), 406-422.
- William Warner & Julia Hirschberg. (2012). Detecting Hate Speech on the World Wide Web. *Proceedings of the 2012 Workshop on Language in Social Media (LSM 2012)*. 19–26, Montreal, Canada.

Biodata Penulis

Nurul Afifah Adila Mohd Salleh (PhD) merupakan Pensyarah Kanan di Jabatan Pengajian Melayu, Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi Mara, Shah Alam, Selangor. Bidang ilmu yang beliau minati ialah pragmatik bahasa Melayu dan Pengajaran Bahasa Melayu sebagai Bahasa Asing.

Amirah Ahmad merupakan Pensyarah Kanan di Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Teknologi Mara, Shah Alam, Selangor. Bidang kajian yang beliau minati ialah linguistik gunaan khususnya pragmatik.